



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA:
PENUBUHAN PUSAT MEDIA KEHAKIMAN**

Semasa Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2019 (OLY 2019) pada 11 Januari 2019 yang lalu, YAA Ketua Hakim Negara di dalam ucapan beliau telah menyatakan bahawa Badan Kehakiman amat menghargai pengamal media membuat laporan mengenai kes-kes di Mahkamah untuk disampaikan kepada rakyat. Di dalam menyediakan laporan tersebut, kadang-kadang terdapat masalah di dalam memahami fakta dan juga undang-undang yang digunakan di dalam sesuatu kes tersebut. Oleh yang demikian, Badan Kehakiman telah menubuhkan Pusat Media Kehakiman atau *The Media Centre for the Judiciary* (MCJ) bagi membantu pengamal media untuk mendapatkan pencerahan bagi sebarang kemusykilan mengenai fakta atau undang-undang dalam sesuatu kes.

Sehubungan dengan itu, sekiranya pengamal media mempunyai sebarang kemusykilan mengenai fakta sesuatu kes di mana-mana Mahkamah di seluruh negara, bolehlah menghubungi Pegawai Pusat Media Kehakiman di talian 019-6952509 (Puan Suzarika binti Sahak) / 013-2922473 (Tuan Mohd. Aizuddin bin Zolkeply) atau e-mel ke komunikasikorporat@kehakiman.gov.my / myjudiciary.media@gmail.com.

Bersama ini dilampirkan hebahan mengenai Pusat Media Kehakiman untuk rujukan dan makluman pihak media.

Sekian, terima kasih.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
Istana Kehakiman, Putrajaya
Tarikh: 18 Januari 2019